

05 DEC 1996

Mahathir-Perdagangan

MUSTAHIL UNTUK WUJUDKAN PASARAN BEBAS SEPENUHNYA, KATA PM

Oleh: Wan A. Hulaimi

THE HAGUE, 5 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak boleh membuka pasaran keretanya kepada persaingan asing secara tidak terbatas kerana ia akan menjejaskan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk menguatkan hujahnya itu, Perdana Menteri memberi contoh bahawa sebuah kereta 2,000 cc buatan Jepun dijual dengan harga RM23,000 di Amerika Syarikat, lebih rendah daripada harga sebuah kereta Kancil Malaysia.

"Jadi bagaimana kita boleh membuka pasaran kita? Ia seperti berkata kita tidak patut mengeluarkan kereta," katanya kepada wartawan Malaysia pada persidangan berita sebelum menghadiri jamuan rasmi yang diberikan oleh Perdana Menteri Belanda Wim Kok malam tadi.

Dr Mahathir mengakhiri lawatan tiga hari ke Belanda hari ini dan kini berada di Arab Saudi untuk lawatan rasmi.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Setiap negara harus dibenarkan mengambil masa untuk membuat penyesuaian. Mereka perlu diberikan perlindungan tertentu. Jika tidak, mereka tidak berupaya untuk bersaing," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia dapat bersaing di pasaran kereta United Kingdom kerana keretanya tidak mempunyai duti manakala kereta asing yang lain, sebagai contoh Jepun, dikenakan duti sebanyak 10 peratus.

"Oleh kerana itu kita boleh bersaing. Bagaimana kita dapat bersaing dengan Jepun jika cukainya adalah sama rata? Apabila kita mendapat teknologi dari Jepun kita terpaksa membayar royalti bagi teknologi mereka. Pada masa yang sama kita perlu membeli komponen dari Jepun yang sangat mahal dan kerana itu kos kereta kita lebih tinggi berbanding harga kereta Jepun," katanya.

Dr Mahathir juga berkata jika negara yang mempunyai kelebihan dalam perdagangan dan teknologi mengenakan standard untuk diikuti oleh negara yang kurang maju dalam usaha menggalakkan perdagangan secara menyeluruh, industri yang lebih kecil di negara kurang maju itu terpaksa ditutup.

Mengenai Malaysia, katanya, walaupun negara-negara Barat mempunyai kelebihan daripada segi kepakaran teknikal, modal dan pasaran domestik yang besar, Malaysia mempunyai satu kelebihan iaitu kos buruh yang rendah.

"Jika mereka mengambil kelebihan itu daripada kita, kita tidak mempunyai apa-apa. Kesemua industri kecil tidak akan berkembang dan terpaksa ditutup. Kita akan hanya menjadi pelanggan," katanya.

Dr Mahathir berkata perdagangan global masih boleh diadakan tanpa menetapkan bahawa setiap pasaran harus dibuka dan bebas daripada tarif.

"Ia masih satu pasaran global. Apa yang kita tidak suka ialah diskriminasi. Mereka akan mengadakan syarat iaitu kita harus mencapai sesuatu tahap yang menyamai standard mereka tetapi oleh kerana kita tidak mencapai standard itu kita tidak boleh mengeksport barangan kita.

"Atau mereka boleh berkata ia adalah pasaran global tetapi kita tidak membayar pekerja kita dengan secukupnya, dan oleh kerana itu kita tidak boleh eksport. Kita harus menerima hakikat bahawa sesetengah negara mempunyai kelebihan tertentu, dan negara lain pula mempunyai kelebihan yang berbeza," katanya.

Pada persidangan berita bersama Dr Mahathir sebelum itu, Perdana Menteri Belanda Kok berkata kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai kemungkinan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang kebudayaan, pendidikan dan sains.

Kok berkata kedua-dua negara juga menyentuh mengenai perdagangan dua hala yang kini memihak kepada Malaysia.

Eksport Belanda ke Malaysia berjumlah lebih 600 juta guilder (RM876 juta) manakala import dari Malaysia berjumlah dua bilion guilder (RM2.9 bilion). -- BERNAMA

WAH CTL AKD